

**TEKS UCAPAN ALUAN |
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR UiTM**

**DIWAKILI OLEH;
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR TS. DR. NORAZAH ABD. RAHMAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN**

**SEMPENA
MAJLIS GRADUASI PROGRAM UiTM UNICORN SCHOLAR
PROGRAMME (UiTM USP)**

**25 MEI 2023 | ISNIN | 2 PETANG
GENO HOTEL, SHAH ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN

WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA

ASYRAFIL ANBIYAAI WAL MURSALIIN

WA 'ALAAAALIHI WASOHBIGHI AJMA'IN.

SALUTASI – KEMAS KINI BERDASARKAN KEHADIRAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

**Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia
MADANI.**

- 1. Syukur kita ke hadrat Ilahi, kerana dengan rahmat-Nya kita dapat berkumpul di dalam **MAJLIS GRADUASI PROGRAM UiTM UNICORN SCHOLAR PROGRAMME (UiTM USP)** pada petang ini.**

2. Saya mewakili Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM, rasa berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa Penganjur UiTM USP iaitu Akademi Pembangunan Perusahaan Kecil dan Serderhana (PKS) serta Keusahawanan Malaysia (MASMED), Universiti Teknologi MARA yang telah memberikan komitmed dalam menjayakan program ini.

3. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang terlibat memberikan sokongan kepada UiTM melalui MASMED.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. UiTM Unicorn Scholar Programme (USP) merupakan satu program yang membuka peluang kepada warga UiTM,

khususnya para pelajar untuk mempraktikkan ilmu keusahawanan dalam konteks perniagaan sebenar. Program ini juga akan menjadi platform ke arah peningkatan kompetensi keusahawanan pelajar serta membuka peluang pekerjaan dan perniagaan dalam kalangan pelajar UiTM semasa atau selepas tamat pengajian.

5. Program yang bertujuan untuk membantu meningkatkan pengetahuan praktikal dalam bidang keusahawanan serta keyakinan pelajar untuk membuka perniagaan sendiri melibat seramai **16 pelajar**, hasil saringan daripada ratusan permohonan yang berkelayakan.

6. Program elit yang dirangka khas ini, bukan hanya dapat melahirkan pelajar yang cemerlang akademik, malah meningkatkan kompetensi keusahawanan pelajar, memberi

peluang pekerjaan dan perniagaan. Program ini menekankan kesedaran tentang kepentingan keusahawanan yang mengarah para peserta ke arah pengukuhan ekosistem keusahawanan universiti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kolaborasi di antara MASMED, UiTM dan Unit Keusahawanan, Bahagian Penyelarasan & Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Alumni UiTM Business Network (ALUMNI BIZNET) ini, akan membolehkan para pelajar mendapat khidmat pementoran dengan alumni usahawan UiTM yang berjaya.

8. UiTM USP mensasarkan penubuhan **satu syarikat-satu pelajar** melibatkan Syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Program UiTM USP ini akan

menjadi pelopor pembangunan kepada lebih ramai usahawan elit yang akan mampu mengukuhkan semula ekonomi selepas negara mengalami pelbagai kesan negatif pandemik.

9. Peserta program ini juga, dijangka mampu menjadi jurulatih perniagaan dan dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat amnya, malah pelajar yang berjaya menarik minat penaja juga berpeluang mendapatkan suntikan dana perniagaan.

Para Hadirin sekalian,

10. Saya yakin, program ini dapat mampu membantu mengatasi isu peluang pekerjaan pelbagai peringkat golongan dengan menjadi model kepada mereka untuk memulakan perniagaan, dan memperkuuh hubungan kerjasama industri dan universiti. Pada masa yang sama model ini akan menjadi

kurikulum utama sebagai panduan bagi semua aktiviti dengan rakan strategik dalam usaha melahirkan graduan yang bersifat inovatif, kompetitif dan kreatif dan mempunyai daya saing yang tinggi.

11. Saya berharap agar program ini berupaya mengubah landskap keusahawanan UiTM secara menyeluruh dan melahirkan graduan dengan sifat kepimpinan cemerlang, berdaya saing, bersemangat dan tidak lemah menghadapi kesukaran dan jatuh bangun alam keusahawanan bukan setakat di peringkat tempatan, malah di peringkat antarbangsa. Ia selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN 2030) suatu realiti.

12. Akhir sekali, tahniah kepada semua pelajar yang terlibat. Semoga pelajar-pelajar yang berkompetensi ini akan lahir

sebagai usahawan berjaya dan akan membawa tunggak kejayaan yang lebih besar yang manfaatnya dirasai oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Sekian

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.